

05 AUG 2001

PESERTA PROGRAM KEMBARA MERDEKA TIBA DI PERLIS

KANGAR, 5 Ogos (Bernama) -- Para peserta program Kembara Merdeka tiba di Perlis hari ini dalam suasana hujan tetapi tetap diberi sambutan meriah di Kuala Perlis dekat sini.

Ketibaan mereka yang terdiri daripada 74 kakitangan Kementerian Penerangan dan wakil-wakil media disambut oleh Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Perlis, Md Isa Sabu.

Mereka turut disajikan dengan hidangan laksa, makanan popular bagi masyarakat Kuala Perlis.

Pelbagai kegiatan sampingan diadakan di Kuala Perlis sempena sambutan program yang bertemakan "Rakyat Padu Negara Maju" itu, antaranya pameran, pemeriksaan kesihatan dan pertandingan mewarna.

Program selama 17 hari itu dilancarkan di peringkat kebangsaan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya pada 1 Ogos lalu dan akan berakhir pada 17 Ogos di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur.

-- BERNAMA

AD AKD